

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sijil Taraf Bumiputera di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>NO. TENDER: MPKL/JKT:06/2022</p> <p>CADANGAN KERJA-KERJA MENAMBAK TANAH DAN MEMAGAR SERTA KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN TAPAK PERKUBURAN ISLAM BANDAR SAUJANA PUTRA (FASA 1), PT 49079 (LOT 81619), TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</p>	<p>SPKK</p> <p>Gred : G5</p> <p>Kategori : CE</p> <p>Pengkhususan : CE01</p> <p>Pembinaan Jalan dan Pavemen</p> <p>DAN</p> <p>CE21</p> <p>Pembinaan Kejuruteraan Awam</p> <p>DAN</p> <p>CE36</p> <p>Kerja-kerja Tanah</p> <p>UPEN</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri</p>	<p>RM500.00</p> <p>**Tidak akan dikembalikan</p>	<p>(Kehadiran adalah DIWAJIBKAN)</p> <p>PENDAFTARAN & TAKLIMAT</p> <p>TARIKH: 24/08/2022 (RABU)</p> <p>MASA: 9.00 PAGI</p> <p>TEMPAT: PEJABAT CAWANGAN MPKL, BANDAR SAUJANA PUTRA</p> <p>LAWATAN TAPAK</p> <p>TARIKH: 24/08/2022 (RABU)</p> <p>MASA: 10.30 PAGI</p> <p>TEMPAT: PEJABAT CAWANGAN MPKL, BANDAR SAUJANA PUTRA</p> <p>Nota:</p> <p>1) Pihak kontraktor / Syarikat DIWAJIBKAN membawa Kad Pengenalan Asal, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan UPEN yang masih SAH TEMPOH LAKUNYA serta SATU (1) SALINAN semasa Taklimat di jalankan.</p> <p>2) Hanya PENAMA di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan SSM sahaja boleh menghadiri taklimat.</p> <p>3) Dokumen Sebut harga hanya akan dijual kepada Kontraktor / Syarikat yang menghadiri taklimat sahaja. Sebarang kelewatan tidak akan dilayan</p>	<p>Mulai :</p> <p>25/08/2022 (KHAMIS)</p> <p>Jam : 12.00 Tengahari</p> <p>PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA</p> <p>Dokumen Tender boleh dimuatturun di laman sesawang https://tender.selangor.gov.my</p> <p>**SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB https://tender.selangor.my UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN TENDER.</p>	<p>Tarikh Tutup:</p> <p>14/09/2022 (RABU)</p> <p>Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari</p> <p>Unit Perolehan dan Ukur Bahan Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>**Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan</p>

i) Setiap dokumen tender dijual dengan harga RM 500.00 secara ONLINE. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.

ii) Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai 25 OGOS 2022 (KHAMIS) di Unit Perolehan dan Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.

iii) Pentender perlu terlebih dahulu mendaftar secara ONLINE di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran SPKK, CIDB dan UPEN. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Tender tersebut.

iv) Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan WAJIB dibukukan / didokumentasikan.

v) Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI dan dimasukkan ke dalam PETI TENDER seperti tertera di atas.

vi) Penghantaran Dokumen Tender perlu disertakan bersama RESIT PEMBAYARAN sebagai bukti pembelian.


vii) Pentender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

viii) Pentender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender. Jika Dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.


ix) Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.

x) Tarikh tutup penjualan Dokumen Tender adalah pada 14 SEPTEMBER 2022 (RABU). Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN di Talian 03-31872825 sambungan 2502 dan 2503.

Disediakan oleh:


 (AZLINDA BINTI IBRAHIM)
 Penolong Akauntan
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:


 (MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T.)
 Ketua Unit
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat